



**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
(WABAK RABIES)**

**LAPORAN HARIAN
WABAK RABIES DI NEGERI SARAWAK 2017
13 JANUARI 2018**

1. Laporan **Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak** bagi Statistik Survelan Wabak Penyakit Rabies.

Perkara	Anjing (Ekor)	Kucing (Ekor)	Haiwan Lain (Ekor)	Jumlah (Ekor)
Program Pemvaksinan Dan Survelan Haiwan Kesayangan.	34,880	7,987	45	42,912
Keputusan Bilangan Sampel Positif	70	6	0	76
Pengawalan Populasi Anjing Terbiar	3,393	0	0	3,393

Perkara	Kempen	Peserta
Kempen Kesedaran Wabak Rabies	558	37,300

JPVS sentiasa mengingatkan semua pihak supaya mengelak haiwan kesayangan samada telah divaksin atau belum dari bercampur dengan haiwan terbiar dan memerhati perubahan sikap haiwan tersebut daripada jinak kepada ganas, menggigit sebarang benda bergerak, hidrofobia terhadap air dan

cahaya, menyendiri dengan air liur berlebihan dan kelihatan gelisah. Haiwan yang menunjukkan tanda-tanda tersebut hendaklah dilaporkan kepada JPVS ditalian **082-612949** atau **082-611607** dengan segera.

JPVS juga ingin mengingatkan bahawa dibawah Seksyen 37(2) & (3) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, adalah menjadi kesalahan untuk membiarkan anjing lepas bebas dan membawa keluar anjing tanpa kebenaran bertulis daripada *State Veterinary Authority* dari kawasan wabak Rabies. Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

2. Laporan harian **Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak** bagi kes gigitan haiwan dan orang yang menerima suntikan vaksin anti-Rabies.

Kes Gigitan Haiwan Baru Mengikut Bahagian	
Bahagian	Jumlah Kes
Kuching	11
Serian	4
Sarikei	3
Betong	1
Samarahan	1
Sri Aman	4
Jumlah Keseluruhan	24

Kes Gigitan Haiwan Baru Mengikut Jenis Haiwan				
Perkara	Jumlah Kes Mangsa Gigitan (kes)			
	Anjing	Kucing	Tikus	Jumlah
Haiwan Peliharaan	11	7	0	18
Haiwan Liar atau Tidak Bertuan	4	1	1	6
Jumlah	15	8	1	24

Perkara	Kes Kumulatif Gigitan Haiwan (Mulai 1 April 2017)	Bilangan Kumulatif Yang Telah Menerima Suntikan Vaksin Anti-Rabies (Mulai 1 April 2017)
Jumlah	5,841 kes	2,287 orang

Catatan:

Orang ramai yang mempunyai sejarah gigitan anjing diminta untuk segera bertindak membuat pemeriksaan di mana-mana fasiliti kesihatan yang terdekat. Dalam masa yang sama, orang ramai turut diingatkan untuk sentiasa menghindarkan diri dari gigitan haiwan terutamanya anjing, dan sekiranya digigit, perlulah mengambil langkah pencegahan segera dengan mencuci luka bahagian terkena gigitan menggunakan sabun dan air bersih yang mengalir selama 15 minit; dan segera mendapatkan rawatan lanjut di klinik atau hospital berdekatan.

Disediakan oleh:

Bilik Gerakan Negeri Sarawak

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak

13.01.2018